

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 16 BILANGAN 39 RABU 29 SEPTEMBER 1971. 1391 شعبان 9 رابو PERCHUMA



D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan ketika melakukan pembukaan rasmi MMP SBS.

PEMBUKAAN RASMI MAKTAB MELAYU PADUKA SERI BEGAWAN SULTAN

JALAN MUARA. — Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin pada pagi Khamis lepas telah berangkat ka- Sekolah Menengah Melayu Jalan Muara untuk merasmikan pembukaan sekolah itu yang sekarang di-kenali sa-bagai Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia itu di-sambut oleh pasukan kadet maktab tersebut

Duli Yang Teramat Mulia itu kemudian menyaksikan satu perbarisan oleh semua penuntut di-maktab itu dan menanam pokok pisang kipas sa-bagai menandakan hari pembukaan maktab itu.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan juga telah menyaksikan pameran seni lukis dan lain2 kegiatan penuntut2 maktab itu.

Terdahulu sa-belum itu Pengarah Pelajaran, Dato Seri Laila Jasa Awg. M. MacInnes telah menguchapkan terima kasih atas keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia itu untuk merasmikan pembukaan maktab itu.

Pengetua Maktab itu, Che'gu Abdul Jalil dalam ucapan-nya mensifatkan maktab itu sa-bagai sa-buah maktab yang mempunyai alat2 kemudahan yang baik satinggih dengan sekolah2 menengah Melayu di-seberang laut.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan telah menyampaikan sabda khas di-majlis itu. Sabda Duli Yang Teramat Mulia sa-penoh-nya di-siarkan di-muka 2 keluaran hari ini.

Majlis itu telah di-akhiri dengan bacaan do'a selamat oleh Yang Di-Muliakan Pehin Dato Seri Maharaja Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz.

Di-antara pembesar2 negara yang hadir di-majlis itu ia-lah Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Muda Mohammad Bolkiah; Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohamad Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim; Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara, Yang Amat Mulia Cheteria2, Ahli2 Yang Berhormat, pengiran2, pehin2 dan ketua2 jabatan kerajaan.

D.Y.M.M. Baginda Queen akan melawat Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei berasa amat sukachita yang Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen Elizabeth II dan Yang Teramat Mulia Duke of Edinburgh, telah sudi menerima jemputan untuk Baginda dan Duke of Edinburgh berangkat melawat Negeri Brunei dalam masa lawatan Baginda Queen dan Duke of Edinburgh ka-Asia Tenggara awal tahun depan.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan serta Kerajaan Baginda dan seluruh raayat dan penduduk Negeri Brunei Darussalam berasa sungguh gembira dan megah akan mengalu2kan keberangkatan Baginda Queen dan Duke of Edinburgh ka-negeri ini.

PENUNTUT2 DI-SERU BOKTIKAN KELAKUAN YANG BAIK

JALAN MUARA. — Guru2 di-sekolah2 menengah di-negeri ini telah menghadapi kesukaran2 dalam melaksanakan kerja2 mereka di-sebabkan beberapa orang murid telah melanggar batas-batas dari berkelakuan baik.

Dari kelakuan yang kurang baik di-kalangan mereka itu telah juga menghalang kemajuan kebanyakan murid2 yang baik dan mahu belajar.

Ini-lah di-antara banyak perkara yang berlaku di-sekolah2 menengah dalam Negeri Brunei.

Ini telah di-nyatakan oleh Pengarah Pelajaran, Dato Seri Laila Jasa, Awang Malcolm MacInnes di-majlis pembukaan rasmi Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan, di-Jalan Muara pada hari Khamis, 23 September yang lalu.

Menurut Dato Malcolm MacInnes lagi bahawa masalah lain yang telah timbul ialah tentang terdapat-nya kemundoran dalam kedudukan taraf tata-tertip.

Penuntut2 negeri ini, katanya, hendak-lah membuktikan dengan berkelakuan baik dan bekerjasama dengan guru2 mereka, supaya nilai kebudayaan sopan santun Brunei, hormat menghormati orang2 lain

dan juga menghargai kemahuan untuk belajar, tidak hilang di-tengah2 perubahan besar yang berlaku di-dunia ini di-beberapa tahun baru2 ini.

Pengarah Pelajaran itu menyeru penuntut2 negeri ini supaya bersedia untuk menggunakan dengan sa-baik2-nya kemudahan2 pelajaran yang telah di-sediakan oleh Kerajaan.

Mengenai persekolahan Melayu, Pengarah Pelajaran itu menerangkan bahawa pada tahun ini terdapat sa-ramai 2,565 murid di-sekolah2 menengah Melayu ia-itu kira2 500 orang lebeh dari yang ada di-sekolah2 aliran Inggeris Kerajaan.

Menurut beliau lagi bahawa di-seluruh negeri, ada sa-jumlah hampir2 12,000 orang murid2 lelaki dan perempuan sekarang sedang belajar di-peringkat sa-lepas pelajaran rendah.

(Lihat Muka 8)

4,027 Chalun Pepereksaan SRP

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 4,027 chalun akan mengambil pepereksaan bagi Sijil Rendah Pelajaran mulai pada 11 Oktober.

Dari jumlah itu, 1,708 akan mengambil pepereksaan aliran Inggeris, dan 2,210 chalun akan mengambil pepereksaan dalam aliran Melayu.

109 chalun akan mengambil pepereksaan dalam satu mata pelajaran. Pepereksaan itu akan di-adakan di-33 pusat di-seluruh negeri. Pada tahun lepas, 3,778 chalun telah memasuki pepereksaan tersebut.



Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, Sir Muda Omar Ali Saifuddin.

ASSALA-MU-ALAI-kum warahmatullah-hiwbarkatuh. Liala hadirin yang di-hormati sekalian.

Sa-buah bangunan sekolah itu bukan-lah hanya tempat penuntut2 di-beri ajaran dalam mata2 pelajaran sahaja. Tugas sa-seorang guru belum-lah selesai apabila saja mengajar pelajaran yang di-ajarkan-nya. Sungguh pun mata2 pelajaran itu penting bagi penuntut tetapi mereka juga mesti di-galakkan memperbaiki semua aspek2 personaliti mereka. Ibu bapa pada memerlukan anak2 mereka bersekolah dalam laila jenis lapangan pelajaran melailikan betapa mutu telah mendapat kelulusan. Mereka ingin melihat anak2 mereka mencapai taraf pelajaran yang lebih tinggi sa-laras dengan laila kesejahteraan masa. Ibu bapa juga ingin melihat anak2 mereka rajin belajar dan lulus sa-panjang pemereksaan sa-hingga mencapai sifat sa-bagai maha guru. Lulus dari berjenis2 pelajaran ada-lah bakti bayangan rajin. Sa-telah mempunyai ilmu pengetahuan laila berjenis2 mata pelajaran bukan sahaja berguna kepada negeri dan kerajaan bahkan juga mendatangkan laila munafaat kepada pelajar2 yang rajin juga ibu bapa mahukan anak2 mereka mencapai akhlak dan sifat laila umpama bertanggung-jawap, pandai hidup bersama2 orang2 lain yang menjadi sa-orang warga-negara yang boleh memberikan sumbangan keba-jikan kepada negeri.

Akhlak mengandungi tiga perkara, pada pendapat saya:

Pertama — niat;

Kedua — sertai ikhlas;

Ketiga — sa-baya dengan jujur dan mengutamakan keselamatan dalam keadaan sehat afiat dan mempunyai sikap pendirian kesejahteraan.

Semua kemahuan2 ibu bapa ini memerlukan tenaga guru2 dan tanggung-jawab ini adalah berat. Guru2 yang terlatih dan berpengalaman boleh menjalankan tanggung-jawab itu dengan sempurna.

Pada pendapat saya, pada mengatasi-nya kerajaan dan pehak2 yang bertanggung-jawab pada mengelokkan sekolah2 pelajaran, jangan membiarkan guru2 yang menitik-beratkan siasah keduniaan atau siasah sa-lepas peperangan yang kedua dengan tidak mengindahkan pada mengajar murid2 untuk meninggikan laila mutu jenis mata pelajaran dan laila ilmu pengetahuan.

Ibu bapa yang bijak juga dapat memberikan sumbangan terhadap pendidekan anak2 mereka dengan menyediakan laila chara pembawaan yang benar2 akan menjadi contoh tauladan dari apa yang telah di-alami mereka yakni ibu bapa pada melambangkan dari segi laila mutu Negeri Brunei yang sa-laras dengan terasul ia-itu Brunei Darus Salam. Mengambil tahu dan memberikan galakkan pada mengelokkan pendidekan kepada anak2 mereka.

Dengan hal demikian sa-buah sekolah itu perlu disediakan kemudahan2 pada berusaha merasakan didekan laila bathin di-sertai dengan pembawaan dzahir di-mana anak2 dapat menyuburkan pendidekan rohani dan jasmani menerima ilmu pengetahuan mempelajari chara2 hidup, pandai beza-membedakan mana yang baik dan mana yang buruk dan dapat memberi pada menegakkan kedaulatan Sultan yang di-jadikan oleh Allah Subhanahu-wataala seperti di-Brunei sa-bagai Sultan memementahkan seperti di-negeri kita yang kecil molek yang mempunyai undang2 dan peratoran saksama laila pendirian kesejahteraan.

Semua ini ada-lah sa-bahagian daripada kegiatan2 mendidek anak2, sa-bahagian lagi

ia-lah pendidekan dan asohan di-rumah oleh ibu bapa yang mana ibu bapa jangan takut2 pada memarahi, menchegeh, menasihati yang sa-mata2 untuk menggalakkan laila hasrat hati ka-araf kebajikan yang laila munafaat. Guru dan ibu bapa harus bekerjasama untuk tujuan sama supaya anak2 itu boleh di-didek atau di-beri didekan yang rapus.

Peranan kedua2 belah pehak ini ada-lah di-perlukan supaya anak2 itu boleh menjadi ahli2 masyarakat yang baik dan berguna, berkebakikan bertata sopan, hormat kepada orang2 tua2, mematuhi undang2 dan peratoran negeri dan bagi orang Islam patoh kepada undang2 dan peratoran2 negeri dan mendalami Ugama Islam.

Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan sentiasa mementingkan pelajaran raayat-nya. Pelajaran-ada-lah satu2-nya bahan yang penting bagi kemajuan munasabah sa-buah negeri.

Perkembangan ekonomi dan sosial negara bergantung kepada taraf pelajaran dan laila pegawai anak2 negeri-nya, sebab itu-lah dengan izin Allah kerajaan akan terus meneruskan membina bangunan2 sekolah dan menyauh guru2 yang terlatih yang berpengalaman laila jujur serta menggalakkan guru2 yang terlatih mengelokkan laila meninggikan lagi taraf pelajaran anak2 Brunei.

Guru2 harus-lah menyumbangkan tenaga yang sa-penohnya dan menumpukan taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada Sultan dan negeri baginda Brunei Darus Salam.

Penuntut2 mesti-lah meneruskan kegiatan belajar, kerajaan Brunei sentiasa akan menghantar penuntut2 yang rajin laila nyata serta membaktikan kemahuan mereka untuk keluar negeri mengikuti pelajaran2 tinggi, penuntut2 harus tahu menggunakan masa ia-itu masa dan keadaan tidak

mengizinkan penuntut2 ber-lengah2 lagi untuk mendapatkan ilmu pengetahuan, laila rajin bersekolah sa-telah mempunyai laila jenis mata pelajaran dan ilmu pengetahuan yang sa-baingan dengan hasrat laila hati dengan izin Allah akan mendatangkan kebahagiaan kepada negeri.

Pada saya dengan sebutan kebahagiaan, terselamat dari merbahaya, terselamat dari mala petaka, tenteram, aman, mewah laila subur, sa-mata2 menumpukan hasrat dari laila niat meranchang dari hasrat hati dan niat laila ikhlas dan pada melaksanakan segala usaha kebajikan menurut saloran, chuchuran atap dari hasrat hati dan tekat laila jujur.

Awang2 Dayang2 serta laila hadirin sekalian,

*Hidup bahagia,
sehat rohani dan jasmani,
susah hendak di-perdaya,
kebaikkkan pembawa gaya.
Lailat ahlulpermatkawi,
pembawa chara,
bertimbang rasa,
indah bergaya,
susul menyusul,
susulan waba'dah,
kelam nasihat,
tegur nukilan warkah,
munasabah berfaedah laila mudah.*

Pendapat pada saya:

*Melafadzkan gurindam pada laila niat,
ikhlas laila hasrat, jujur laila sehat,
tujuan baik berkebakikan, lambang utama di-redhai Allah.*

Sekian dengan mendahului kan bis-mil-lah hir-rahman nir-rahim dengan sukachita saya merasmikan pembukaan Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan.

Terima kaseh.

DALAM akhbar Borneo Bulletin keluaran 11hb. September, 1971 yang lalu, telah tersiar suatu berita yang antara lain berbunyi "Pihak Polis sedang menyiasat mengenai kemasokkan pil sex yang di dapati di-Daerah Belait. Pil tersebut di-sifatkan sa-bagai merbahaya".

Sa-buah kotak yang berisi 120 pil dengan nama dagangan Aldasex telah di-jumpai oleh pulis yang juga sedang menyiasat laporan bahawa pil MX juga terdapat beredar di-daerah tersebut.

Pil yang berwarna perak itu di-hasilkan dari Jerman Barat, mengandungi sa-kurang-nya satu champoran berachun.

Sa-orang juruchakap pulis berkata bahawa ada-lah haram bagi sa-siapa saja yang menjual atau mempunyai-nya tanpa lesen rachun yang tertentu.

Pihak berkuasa perubatan di-Malaysia Barat telah men-sifatkan pil tersebut, yang di-katakan yang menimbulkan pendorong berahi dalam hubungan sex, sa-bagai paling merbahaya.

Akhbar tersebut sa-lanjut-nya telah menulis: "Juruchakap pulis itu berkata apa yang merunsingkan pihak kami ialah ia-nya bukan-lah di-guna-kan oleh orang2 yang berumur dan memerlukan-nya dalam mendorong nafsu bathin yang lemah, tetapi ia-nya di-guna-kan oleh kaum muda".

Di-masa yang akhir2 ini macham2 berita yang kita dengar dan bacha sa-bagai negeri yang sentiasa aman dan damai, tiba2 tersiar pula berita sa-bilangan belia2 kita chuba di-pengaruhi oleh pil2 pengkhayal dan rachun saperiti drug dan pil2 yang kita sebutkan tadi.

Pil2 dan ubat2 pengkhayal itu menampakkan senghaja di-seludopkan ka-negeri ini oleh orang2 yang tidak bertanggung jawab yang hanya berusaha untuk mendapatkan keuntungan atau faedah diri sendiri tanpa memperhitungkan akibat2 dan bahaya2-nya.

Apa yang lebeh mendukung-takan kita, nampak-nya anak2 muda kita telah menjadi sasaran bagi pengedaran ubat2 tersebut. Hal ini dapat kita anggap sa-bagai anasir2 jahat yang chuba hendak merosakkan kehidupan raayat dan penduduk negeri ini.

Kita sangat bershukor kerana atas kecekapan dan kebijaksanaan pihak berkuasa pulis telah dapat mengatasi perkara ini. Tetapi patut-lah juga di-ingat bahawa anasir2 tersebut mungkin akan terus menerus mempengaruhi kita dari satu masa ka-satu masa.

Sa-bagai sa-buah negara yang sedang membangun di-mana Islam telah di-jadikan

ISLAM MENENTANG PENYIBARAN PIL2 PENGHA YAL



KHUTBAH JUMA'AT

sa-bagai Ugama Rasmi-nya, Brunei ada-lah menentang pengaruh ini.

Ugama Islam yang menjadi hasrat dibawah Duli Yang Maha Mulia untok di-jadikan sa-bagai suatu chara hidup yang lengkap bagi raayat dan penduduk negeri ini, ada-lah sangat2 menentang penyebaran pil2 pengkhayal yang merbahaya itu. Kerana Ugama Islam ada-lah berkehendakan umat-nya supaya sentiasa sehat, baik tentang tuboh ba-

dan, akal fikiran, juga lahir bathin.

Semua makanan dan minuman yang boleh memberi munafaat kepada tuboh badan, akal dan roh di-namakan barang itu barang yang baik di-halalkan umat Islam memakan-nya. Sa-balek-nya mana2 makanan, minuman atau hisapan yang boleh merosakkan dan membahayakan tuboh badan, 'akal, dan roh saperti ganja, drug dan pil2 pengkhayal itu ada-lah barang

yang tidak baik yang di-tegah Umat Islam memakan-nya, atau menghisap-nya.

Dalam firman Allah Subhanahu-wataala dalam surat Al-Bakharah ayat 172 yang bermaksud:

"Wahai orang2 yang beriman, makan-lah barang yang baik, yang telah kami kurniakan kepada kamu, dan bershukor-lah kepada Allah jika sa-benar2-nya kamu hanya menyembah-nya". Dan firman-Nya lagi dalam surah Annisa ayat 2 yang bermaksud: "Dan jangan-lah kamu tukarkan yang baik dengan yang burok".

Ubat2 pengkhayal tersebut boleh membodohkan anak2 yang cherdek, boleh memalaskan anak2 yang rajin, boleh melemahkan anak2 yang kuat dan boleh menyebabkan anak2 muda yang baik bertukar menjadi jahat dan bertukar menjadi anak2 yang tidak bertanggung-jawab.

Perangkaan jenayah di-negara Amerika menunjukkan bahawa penagih2 drug telah menerbitkan 50 peratus jenayah di-bandar Amerika Shari-kat, ia-itu 25 peratus dari seluruh kejadian2 jenayah di-seluruh Amerika dan kadar itu terus meningkat. Di-England keadaan itu lebeh burok lagi.

Dari itu kita sukachita menyeru raayat dan penduduk negeri ini terutama kaum muslimin sekali, supaya memberikan kerja-sama kepada pihak pulis bagi melaporkan sa-barang kejadian mana2 orang yang choba mengedar-kan ubat2 pengkhayal dan sa-bagai-nya di-negeri ini. Bagitu juga kepada orang2 perse-orangan hendak-lah menghindarkan diri dari membeli atau menggunakan ubat2 yang merbahaya itu, kerana ubat2 itu bukan hanya di-tegah oleh ugama kita bahkan juga membahayakan kesejahteraan diri sendiri, masharakat dan negeri kita.

Jadual peraduan bahath sekolah2

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 24 buah sekolah2 rendah dan menengah lelaki dan perempuan akan mengambil bahagian dalam peraduan bahath pusingan pertama pada 5 Oktober.

Bahagian sekolah2 rendah lelaki, Persediaan Inggeris Bandar Seri Begawan bertemu dengan Persediaan Inggeris Bangar bertempat di-Sekolah Melayu Sultan Hassan Bangar.

Maktab Anthony Abell Seria bertemu dengan Sekolah Inggeris Tutong bertempat di-Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin Kuala Belait, Persediaan Inggeris Sengkunrong bertemu dengan Persediaan Inggeris Kilanas bertempat di-Sekolah Melayu Sengkunrong.

Bahagian sekolah2 rendah perempuan, Persediaan Inggeris Bandar Seri Begawan bertemu dengan Persediaan Inggeris Bangar bertempat di-sekolah Melayu Sultan Hassan Bangar.

Persediaan Inggeris Sengkunrong bertemu dengan Persediaan Inggeris Kilanas bertempat di-Sekolah Melayu Sengkunrong. Maktab Anthony Abell Seria bertemu dengan Sekolah Melayu Muhammad Alam Seria bertempat di-Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin Kuala Belait.

Bahagian Sekolah2 Menengah bawah lelaki, Maktab Anthony Abell Seria bertemu dengan Sekolah Menengah Melayu Ahmad Tajuddin Kuala Belait bertempat di-dewan sekolah itu.

Sekolah Inggeris Tutong bertemu dengan Maktab SOAS Bandar Seri Begawan bertempat di-Sekolah Melayu Puser Ulak, Bandar Seri Begawan bertempat di-Sekolah Melayu Puser Ulak Bandar Seri Begawan. Bahagian perempuan, Maktab Anthony Abell Seria bertemu dengan Sekolah St. Angela's Seria bertempat di-Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin Kuala Belait.

Sekolah Menengah Melayu SMJA Bandar Seri Begawan bertemu dengan STPRI Bandar Seri Begawan bertempat di-Sekolah Melayu Puser Ulak.

Bahagian sekolah menengah atas lelaki dan perempuan: Sekolah St. Andrew's Bandar Seri Begawan bertemu dengan Maktab SOAS di-Sekolah Menengah Mela-

yu SMJA.

Tajok bahath peringkat awal hingga akhir bagi sekolah2 rendah lelaki 'Mendengar siaran-siaran radio lebeh berguna daripada membaca surat khabar' sementara tajok bahagian perempuan 'Berniaga itu lebeh baik daripada makan gaji'.

Tajok perbahathan bagi sekolah menengah bawah lelaki 'kemasokan Pengaruh2 Kebudayaan Barat ada-lah banyak mendatangkan keburokan daripada kebaikan' dan tajok bahagian perempuan 'Per-gaulan di-antara pemuda pemudi itu lebeh banyak mendatangkan kebaikan daripada keburokan'.

Bahagian Sekolah Menengah Atas lelaki tajok: Kemajuan Sains dan Teknologi lebeh banyak membawa keburokan daripada kebaikan' dan 'Adat2 perkahwinan orang2 Melayu Brunei lebeh banyak membawa keburokan daripada kebaikan'.

Perlawanan sa-paroh akhir akan di-adakan pada 6 Oktober dan perlawanan akhir pada 9 Oktober.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 29 Sept., 1971 hingga ka-hari Selasa 5 Okt., 1971 ada-lah saperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Terbit
29 Sept.		12-18	3-35	6-21	7-33	4-36	4-51	6-08
30 Sept.		12-18	3-35	6-21	7-33	4-36	4-51	6-08
1 Okt.		12-16	3-33	6-17	7-31	4-35	4-50	6-07
2 Okt.		12-16	3-33	6-17	7-31	4-35	4-50	6-07
3 Okt.		12-16	3-33	6-17	7-31	4-35	4-50	6-07
4 Okt.		12-16	3-33	6-17	7-31	4-35	4-50	6-07
5 Okt.		12-16	3-33	6-17	7-31	4-35	4-50	6-07

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

29hb. September, 1971.

PENDIDIKAN

PENDIDIKAN untuk anak2 ada-lah satu perkara yang terpenting untuk di-perhatikan oleh para ibu bapa. Yang lebih mustahak lagi ia-lah untuk membentuk anak2 itu menjadi manusia2 yang benar2 memberikan faedah kepada keluarga sendiri, negara, bangsa dan agama.

Tetapi kita yakin bahawa tidak sa-orang pun dari ibu bapa di-mana2 saja yang tidak mahu kesempurnaan terhadap anak2 mereka. Malah, ibu bapa sentiasa menyimpan harapan agar anak2 mereka menjadi orang2 yang berguna. Harapan ini timbul sa-ring dengan kelahiran anak2 itu dari perut ibu2 mereka.

Tetapi membentuk anak2, kita kira bukan hanya sa-takat dalam lingkungan ibu bapa mereka saja. kerana menurut peringkat umur, anak2 itu semakin beranggung dengan ibu bapa mereka dan memasuki ka-kumpulan masyarakat ramai dan turut sama bergolak dengan keadaan yang mengelilingi-nya.

Maka di-sini-lah kita kira timbul kewajipan untuk membentuk anak2 itu di-mana semua peringkat2 masyarakat sa-ma2 bertanggung-jawab terhadap anak2 yang kita fikirkan sa-tamam ayer itu.

Kerana itu, keseluruhan diri kita harus sama2 mencari jalan bagi mengatasi sa-tiap masalah yang di-hadapi oleh anak2 tamah ayer kita sekarang ini, terutama yang sedang memasuki alam dewasa pada umur dan suka badan, tetapi belum dewasa dalam bidang pemikiran yang dapat mengawal diri mereka dari berbuat sa-suatu yang tidak baik.

Kita harus memberikan penghargaan terhadap kegiatan2 yang di-laksanakan oleh persatuan2, badan2 dan kumpulan2 di-negeri ini yang berusaha dengan berbagai2 cara untuk membentuk anak2 tamah ayer kita ka-arah kesempurnaan dan kesopanan yang di-warisi dari datuk nenek kita itu.

Kita juga memberikan sanjungan yang tinggi kepada orang2 yang bertanggung-jawab di-Sekolah Mesra yang Almad Tajuddin yang bagitu sungguh2 mengadakan majlis cheramah tafa-rayat terhadap penuntut2 di-sekolah itu.

"Tanggung-jawab kita terhadap anak2 kita, lebih2 lagi anak2 yang baru meningkat dewasa, tidak hanya terbatas dengan memberi dan mengisi dengan ilmu2 pengetahuan yang di-ajar oleh guru2 di-bilik2 darjah, akan tetapi yang lebih besar, tanggung-jawab kita ialah membentuk dan menanam asas2 kesedaran, rasa2 tanggung-jawab kepada hati nurani anak2 kita". Demikian menurut Awang Moksin Kadir yang mengengerusikan majlis cheramah itu.

Kegiatan ini merupakan satu dorongan kepada kalangan2 lain di-negeri ini supaya benar2 sedar untuk membentuk anak2 tamah ayer kita sekarang ini ka-arah kesempurnaan.



Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan dengan di-iringkan oleh Pengarah Pelajaran, Dato MacInnes (kiri). kelihatan sedang menarik tirai yang menutupi papan nama perasmian pembukaan Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan.




D.Y.T.M. kelihatan menerima tabak kehormatan dari pasukan kedet maktab itu yang di-pimpin oleh Kapitan Yusoff bin Md. Said dari AMDB.



Para jemputan yang menyaksikan pembukaan maktab tersebut.



Di-majlis jamuan pula, D.Y.T.M. di-raikan oleh penuntut2 dan penuntut2 di-maktab itu, bagi memperingati hari ke-2 dan Yang Teramat Mulia yang bertepatan dengan tarikh penutupan maktab tersebut, 23 September. Gambar atas kelihatan Duli Yang Teramat Mulia sedang memotong kek khas.



Sambil itu, Duli Yang Teramat Mulia dan tetamu2 khas di-persembahkan dengan pertunjukan tari-tarian Melayu Brunei dari penuntut2 puteri maktab tersebut.



Pengetua Maktab itu, Awang Abd. Jalil bin Abdul Rahman sedang menyampaikan chendera-mata khas untuk Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan.

GAMBAR2 DI-SEKITAR PEMBUKAAN RASMI MAKTAB MELAYU PADUKA SERI BEGAWAN SULTAN




Menghadhiri majlis tersebut-lah dari kiri Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara, Y.T.M. Seri Duli Pengiran Perdana Wazir, Pengarah Pelajaran, Dato MacInnes, D.Y.T.M. Seri Begawan Sultan, Y.A.B. Menteri Besar, Y.B. Timbalan Menteri Besar dan Y.B. Setia Usaha Kerajaan.



Ahli2 gimnastik maktab tersebut sedang berbaris dalam upacara perbarisan penuntut2.



D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan di-iringi ketika melawat ka-beberapa pameran di-maktab itu.



Kumpulan penuntut2 maktab yang menyanyikan lagu rasmi Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan.

KENYATAAN2. PEGAWAI PENGUASA WARITH NEGERI BRUNEI

SURAT KUASA PESAKA

No. 34/1971.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dayang Sungong bte. Likup, d/a. Kampong Luagan Dudok, Tutong kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Kuan Teck Hoo yang telah meninggal dunia di-dalam Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah balu kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Tutong pada 6 haribulan Oktober, 1971, pada jam pukul 10.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 22 haribulan September, 1971.

SURAT KUASA PESAKA

No. 35/1971.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Awang Alim bin O.K. Hj. Abd. Rahim, d/a. Kampong Kupang, Tutong kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Hj. Abd. Rahim bin Ikas @ Durahim yang telah meninggal dunia di-dalam Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Tutong pada 6 haribulan Oktober, 1971, pada jam pukul 10.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 22 haribulan September, 1971.

SURAT KUASA PESAKA

No. 36/1971.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Awang Kifli bin Md. Yusof @ Zulkifli, d/a. Kg. Luagan Dudok, Tutong kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Maisalamah binte Md. Yusof @ Usop yang telah meninggal dunia di-dalam Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah adek kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Tutong pada 6 haribulan Oktober, 1971, pada jam pukul 10.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 22 haribulan September, 1971.

SURAT KUASA PESAKA

No. 37/1971.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Awang Tujoh bin Besi, d/a. Kampong Kulugus, Batu 19, Tutong kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Dayang Taiiah bte. Kamit @ Taiyyah yang telah meninggal dunia di-dalam Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Tutong pada 6 haribulan Oktober, 1971, pada jam pukul 10.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 22 haribulan September, 1971.

SURAT KUASA PESAKA

N. 38/1971.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Md. Tahir bin Tuba, d/a. Kampong Layong, Tutong kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Dayang Liah bte. Durahman yang telah meninggal dunia di-dalam Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Tutong pada 6 haribulan Oktober, 1971, pada jam pukul 10.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 22 haribulan September, 1971.

SURAT KUASA PESAKA

No. 39/1971.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh B/3243 Sgt. Sungkai bin Anja, d/a. B. Coy, AMDB, Berakas Kemp, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Anja bin Tuloi yang telah meninggal dunia di-dalam Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah

Tutong pada 6 haribulan Oktober, 1971, pada jam pukul 10.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 22 haribulan September, 1971.

SURAT KUASA PESAKA

No. 40/1971.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Awang Ahmad bin Ismail, d/a. Kampong Batu 19, Jalan Tutong kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Awang Ismail bin Sabtu yang telah meninggal dunia di-dalam Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Tutong pada 6 haribulan Oktober, 1971, pada jam pukul 10.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 22 haribulan September, 1971.

SURAT KUASA PESAKA

N. 41/1971.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Awang Jaludin bin Tanjong, d/a. Kampong Menengah, Tutong kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Awang Tanjong bin Garib yang telah meninggal dunia di-dalam Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Tutong pada 6 haribulan Oktober, 1971, pada jam pukul 10.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 22 haribulan September, 1971.

SURAT KUASA PESAKA

No. 42/1971.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Awang Pulut bin Kubu, d/a. Kampong Lamunin, Tutong kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Kubu bin Rustam @ Kubo yang telah meninggal dunia di-dalam Tutong

dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Tutong pada 6 haribulan Oktober, 1971, pada jam pukul 10.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Beganu Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 22 haribulan September, 1971.

SURAT KUASA PESAKA

No. 43/1971.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Awang Tujoh bin Amat @ Badau, d/a. Kampong Menengah, Tutong kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Dayang Minah bte. Tujoh @ Badali yang telah meninggal dunia di-dalam Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah ayah kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Tutong pada 6 haribulan Oktober, 1971, pada jam pukul 10.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 22 haribulan September, 1971.

SURAT KUASA PESAKA

No. 44/1971.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Awang Melingau bin Puchok, d/a. Kampong Rambai, Tutong kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Pusok bin Gumbang @ Puchok yang telah meninggal dunia di-dalam Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Tutong pada 6 haribulan Oktober, 1971, pada jam pukul 10.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 22 haribulan September, 1971.

(Lihat Muka 7)

TAWARAN MEMBEKALKAN BAHAN2 PERMAKAMAN ASRAMA UNTUK TAHUN 1972

Tawaran2 akan di-terima oleh Pengerusi, Lembaga Tawaran, di Pejabat Pegawai Kewangan, Negara, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-hingga pada hari Isnin, 4hb Oktober, 1971 hingga jam 4.00 petang bagi membekalkan Bahan2 Permakaman Asrama untuk tahun 1972 kepada sekolah2 dan maktab2 yang berikut:

Kumpulan 1:

- Sekolah Pertukangan Bangunan, Jalan Muara, Brunei.
- Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan, Jalan Muara, Brunei.

Kumpulan 2:

- Maktab Perguruan Brunei, Gadong, Brunei.
- Asrama Puser Ulak, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Kumpulan 3:

- Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri, Bandar Seri Begawan, Brunei.
- Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Kumpulan 4:

- Sekolah Menengah Melayu

(Dari Muka 6)

SURAT KUASA PESAKA

No. 50/1971.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat Oleh Awang Ampil bin Angat @ Yampil, d/a. Kampong Lamunin, Tutong kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Awang Jumat bin Ampil yang telah meninggal dunia di dalam Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah ayah kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Tutong pada 6 haribulan Oktober, 1971, pada jam pukul 10.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 22 haribulan September, 1971.

CHARLIE FOO CHEE TUNG,
Pegawai Penguasa Warith.

Muda Hashim, Tutong.

- Sekolah Inggeris Tutong, Tutong.

Kumpulan 5:

- Maktab Anthony Abell, Setia, Belait.
- Sekolah Menengah Melayu Ahmad Tajudin, Kuala Belait.

Kumpulan 6:

- Sekolah Pertukangan Kejuruteraan, Kuala Belait, Belait.
- Sekolah Inggeris, Perdana Wazir Kuala Belait, Belait.

Kumpulan 7:

Sekolah Menengah Melayu Sultan Hassan, Bangar, Temburong.

- Keterangan2 lanjut dan borang2 tawaran boleh di-dapati daripada Jabatan Pelajaran, Bandar Seri Begawan, Brunei.

- Tawaran2 yang di-terima sa-lepas jam 4.00 petang, 4hb Oktober, 1971 tidak akan di-terima.

- Tawaran2 mesti-lah di-masokkan ka-dalam sampul surat biasa yang tertutup rapi, di-alamatkan saperti para 1 di-atas dan hendaklah di-buboh tanda dengan terang:

"PERMAKAMAN ASRAMA TAHUN 1972"

Mesti-lah tidak ada sa-barang tanda di-luar sampul surat itu yang boleh mengenalkan nama pemborong dan mana2 tawaran yang di-tulis dengan tidak senonoh akan di-tolak.

- Wang pertarohan (Deposit) sabanyak \$100.00 (sa-ratus ringgit sahaja) bagi tiap2 satu kumpulan hendaklah di-bayar pada masa mendaftar dan wang itu akan di-kembalikan kepada pemborong2 yang tidak berjaya. Pemborong2 yang berjaya tetapi tidak mahu menerima pemborong-nya, wang pertarohan-nya akan hilang.

- Pemborong2 mesti-lah mereka yang tinggal di-dalam daerah tempat sekolah/maktab itu dan mereka tidak di-benarkan memborong di-daerah2 yang lain.

- Kerajaan tidak akan bertanggung-jawab bagi menerima sa-barang tawaran yang murah atau lain2 tawaran.

PENGARAH PELAJARAN,
Brunei.

Ref: JPA/N/3/186.

Tarikh: 1hb September, 1971.

Jawatan2 Kosong

Sa-bagai Juruteknik Makmal Terlateh

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalu2 yang berkelayakan untuk memenohi jawatan2 Juruteknik Makmal Terlateh di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah telah menjalani latehan di-Institute of Medical Research, Kuala Lumpur selama sekurang2-nya 3 tahun, atau mendapat latehan yang sa-banding dengan-nya. Mereka mesti-lah mempunyai sijil2 atau diploma2 sa-bagai Juruteknik Makmal Terlateh.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D 3 EB 4 — BS410x20-510/EB/540x20-660. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantekan:

Chalu2 yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek sa-lama 3 tahun termasuk masa perchubaa sa-lama 6 bulan. Bagi chalu2 yang berjaya yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perchubaa.

Baksis:

Bagi sa-seorang chalu2 yang di-lantek sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-dalam borang2 yang boleh

di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei, dan hendaklah di-kembalikan kapada-nya tidak lewat daripada 16hb. Oktober, 1971.

Sa-bagai Pembantu Pengawet Bentok Binatang

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalu2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan sa-bagai Pembantu Pengawet Bentok Binatang di-Jabatan Muzium, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah berumur antara 18 hingga 25 tahun dan lulus S.R.P. sama ada dalam aliran Melayu atau Inggeris dengan mendapat kelulusan dalam mata pelajaran lukisan. Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang mempunyai pengalaman bekerja di-sa-buah Muzium.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D 1-2 EB 3 — \$210 x 10-270 x 15-360/EB/380x 20-480. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei, dan hendaklah di-kembalikan kapada-nya tidak lewat daripada 4hb. Oktober, 1971.

Sa-bagai Penjaga Kilang Najis

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalu2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan sa-bagai Penjaga Kilang Najis di-Jabatan Pelajaran, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah berumur tidak kurang dari 25 tahun dan lulus sekurang2-nya Form I Inggeris atau Tingkatan I Melayu atau yang sa-banding dengan-nya. Keutamaan akan di-beri kepada pe-

mohon2 yang mempunyai pengalaman bekerja sa-bagai Penjaga Kilang Najis.


Gaji:

Dalam sukatan gaji F 3-4 — \$200x5-240.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei, dan hendaklah di-kembalikan kapada-nya tidak lewat daripada 4hb. Oktober, 1971.

SI-TUYU

oleh: m. salleh ibrahim



PENERIMAAN CHENDERA LAMBAK KENANGAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, Sir Muda Omar Ali Saifuddin di-jadualkan berangkat hari ini (Rabu, 29 September) kamajlis merasmikan penerimaan chendera lambak kenangan penukaran Bandar Brunei menjadi Bandar Seri Begawan di-Dewan Kemasyarakatan di-sini.

Majlis itu akan bermula pada pukul 9.00 pagi dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan di-jadualkan berangkat ka-majlis tersebut pada pukul 9.24 pagi.

Menurut susunan acara majlis itu, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan akan juga melapadkan sabda sa-belum berangkat ka-kawasan letak-nya Chendera Lambak Kenangan di-Padang Besar bagi istiadat merasmikan penerimaan Chendera Lambak Kenangan tersebut.

Pengerusi Jawatankuasa Penukaran Nama Bandar Brunei kepada Bandar Seri Begawan, Setia Usaha Kerajaan, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail akan juga menyampaikan sabda alu2an.

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Muda Mohammad Bol-kiah, Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei dan Menteri Besar Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara, Pengiran Haji Md. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim di-jadualkan juga akan hadir di-majlis tersebut.

Majlis itu akan di-akhiri dengan bacahan do'a selamat yang akan di-sampaikan oleh Yang Di-Muliaan Pehin Datu Seri Maharaja.

Hari ini, 29 September ia-lah hari kelepasan awam di-Brunei bagi menghormati Hari Perlembagaan negeri ini.

PERTANDINGAN "TALENTIME", 1971

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pertandingan nyanyian bahagian Inggeris Radio Brunei 1971 yang bermula dalam bulan Julai lepas akan berakhir pada hari Sabtu, 9 Oktober, dengan menghakamkan peserta2 perengkat akhir bagi kesemua tiga bahagian-Nyanyian Persaorangan (Lelaki), Nyanyian Persaorangan (Perempuan), dan Nyanyian sechra Kumpulan di-dewan Jabatan Penyiaran dan Penerangan dan Dewan Bahasa dan Pustaka, Bandar Seri Begawan.

Pertandingan Perengkat Akhir itu akan di-mulakan pada pukul 8.00 malam dan akan di-siarkan terus daripada dewan itu melalui Gelombang Sederhana 309 dan 335 meter dan Gelombang Pendek 41 meter. Dalam Pertunjukan itu akan mengandungi persembahan2 oleh para2 artis jemputan dan

PELAJAR2 DI-SERU PERTAHANKAN SOPAN SANTUN YG. DI-ASASKAN DATOK NINIK MEREKA

KUALA BELAIT. — Penuntut2 negeri ini telah di-seru supaya mempertahankan imej Brunei yang telah di-asaskan oleh datok ninik kita yang termashor dengan gerak geri yang penoh dengan sopan.

Walau pun kita sama2 terlibat dalam pergolakan pengarah2 moden, tetapi yang tidak sesuai dengan kita hendak-lah di-tolak.

Ini telah di-nyatakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja, Dato Seri Utama (Dr.) Haji Awang Md. Jamil Al-Sufri, Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka dalam cheramah beliau kepada penuntut2 Sekolah Menengah Melayu Ahmad Tajuddin di-Dewan Kemasyarakatan, Kuala Belait pada hari Ahad lepas.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja sa-bagai penceramah khas dalam majlis itu telah mengesahkan penuntut2 negeri ini supaya menyedari akan kedudukan mereka sa-bagai anak2 Brunei yang bakal meneruskan pernafasan negeri ini.

Beliau mengingatkan penuntut2 seluruh-nya supaya tidak membiarkan diri mereka dari pembawaan dan keadaan sa-bagai orang2 "tolah" yang kesudahan-nya hidup dalam keadaan yang tidak senunoh.

"Tohan menjadikan manusia sa-baik2 kejadian yang di-sempurnakan dengan akal fikiran, maka ia-nya hendak-lah di-pergunakan, tetapi bukan hanya di-buat sa-bagai

perhiasan", tegas beliau.

Beliau berkata bahawa penggunaan akal fikiran sa-chara yang bijaksana ia-lah dengan di-asah melalui guru2, ulama2, para bijak-pandai darimana kita akan dapat ilmu pengetahuan yang sempurna.

Beliau juga membayangkan tentang "kejajaman" orang tua2 Brunei dalam menuntut ilmu pengetahuan hingga merantau ka-sana sini dan sanggup menjalani kesusahan yang bukan kepalang.


"Kalau datoh nenek kita sanggup bertarak di-wasai2, tetapi sekarang kita hendak-lah bertarak di-sekolah2, maktab2 dan di-universiti2 sa-hingga penoh dengan ilmu di-dada selaras dengan keadaan zaman sekarang", tegas beliau.

"Tetapi," beliau mengingatkan, "baik di-mana saja kita berada, maka kita hendak-lah sebatikan dalam ingatan bahawa kita anak Brunei yang cinta kepada negara dan bangsa-nya serta taat kepada Raja".

Mengingatkan penuntut2 itu lagi beliau berkata, bahawa kewajiban pelajar di-samping menuntut ilmu pengetahuan sa-tinggi2-nya, ia-lah mengelok dan menjaga nama baik Brunei.

Beliau juga menyentuh tentang ganja yang di-katakan sudah ada penuntut2 yang terpengaruh kerana-nya. Beliau menyeru penuntut2 negeri ini supaya menjauhkan diri dari melakukan perbuatan yang hanya berkesudahan dengan berbaga2 kerosakan itu.

Lebeh dahshat lagi, kata beliau, bahawa orang2 yang menghisap ganja itu akan mengalami ber-



Y.B. Pehin O.K. Amar Diraja.

bagai2 kerugian dan hidup dalam keadaan yang "merumis".

Akhir-nya, beliau menyeru penuntut2 negeri ini supaya benar2 menyedari kewajiban mereka sa-bagai jenerasi yang bakal menegohkan kedudukan Brunei yang mashor dengan aman, damai, makmor.

Mereka, kata beliau, hendak-lah benar2 menghargakan pengorbanan Kerajaan Duli Yang Maha Mulia sa-lama ini yang telah mengutamakan bidang pelajaran untuk raayat dengan perbelanjaan yang amat besar.

Dalam majlis itu, beliau telah juga menjawab beberapa pertanyaan dari penuntut2 dan guru2 besar berhubung dengan pendidekan dan masaalah2 yang timbul.

Majlis telah di-pengerusikan oleh Che'gu Moxsin bin Abd. Kadir dan ucapan2 telah juga di-berikan oleh Pengetua SMMAT, Md. Taha bin Rauf dan Nazir Sekolah2 Melayu Bahagian Belait, Awang Haji Sabtu bin Mohammad.

MASAALAH PERUMAHAN (Dari Muka 1)

Kata-nya, tambahan yang begitu besar, dalam pelajaran menengah di-seluruh negeri, maka banyak masaalah2 telah di-hadapi termasuk perumahan.

Maktab Melayu yang baru di-bena dan di-rasmikan pembukaan-nya itu, menurut beliau, ia-lah sa-bagai langkah pertama yang telah di-ambil oleh Kerajaan bagi menyediakan bangunan2 yang sesuai untuk darjah2 menengah Melayu.

Sungguh pun begitu, beliau menyatakan juga bahawa ada lima buah sekolah menengah Melayu yang lain masih lagi menggunakan bangunan2 sekolah rendah.

Tetapi, kata-nya, ada-lah di-ranchangkan untuk menyediakan bangunan2 yang sesuai bagi sekolah2 itu di-kemudian hari nanti.

Pengarah Pelajaran itu sa-terusnya mensifatkan Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan ia-lah sa-buah maktab yang mempunyai nama yang terhormat.

Oleh itu, beliau menyeru penuntut2 di-maktab itu dan yang akan memasuki maktab tersebut supaya meniadakan-nya sa-bagai sa-buah Maktab yang hidup subur.

Dengan berbuat demikian, beliau yakin, penuntut2 itu akan dapat menjadi contoh tauladan yang boleh di-ikuti oleh semua sekolah2 menengah Melayu yang lain.

PERTANDINGAN MEMBACHA KORAN PERENGKAT NEGERI MALAM INI

BANDAR SERI BEGAWAN. — Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Md. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim akan merasmikan pertandingan membacha Koran Peringkat Negeri di-Lagoon Masjid Omar Ali Saifuddin pada malam ini, (Rabu, 29 September).

Pertandingan yang akan berakhir pada 30 September ini akan disertai oleh 10 orang wakil daerah2 negeri ini, termasuk lima orang perempuan.

Brunei-Muara akan di-wakili oleh dua orang qari dan dua orang qariah, sementara Daerah2 Belait, Tutong dan Temburong masing2

di-wakili oleh sa-orang qari dan sa-orang qariah.

Johan dan naib johan kari dan johan qariah akan mewakili Brunei di-pertandingan antara bangsa di-Kuala Lumpur dalam bulan puasa ini.

Johan dan naib johan qari dan juga akan di-beri tambang perchuma oleh Kerajaan untuk menunaikan fardhu haji.

Sementara itu, orang ramai akan juga berpeluang membeli buku "Lambayan Islam" yang di-terbitkan oleh Jabatan Hal-Ehwal Umma bahagian Penerangan Ugama Islam sa-masa pertandingan itu di-jalankan dengan harga \$1.20 sa-naskhah. Buku pertama "Lambayan Islam" yang masih ada akan juga di-jual, tetapi dengan harga \$1.00 sa-naskhah.

a k a n di-iringi oleh kugiran "D'Irama 4" dari Bandar Seri Begawan.

Semua hadiah2 bagi pertandingan tahun ini telah di-dermakan oleh Sharikat Pacific Procon Berhad, Ranchangan Penchayeran Gis Asli, Lumut. Sharikat Seng Hup Hin dan Odean Record telah juga mendermakan piring2 hitam jenis besar bagi semua peserta2 perengkat akhir.

Dua belas orang peserta akan mengambil bahagian di-dalam bahagian Nyanyian Persaorangan Lelaki dan dari sekurang2-nya tujuh orang telah mengambil bahagian di-pertandingan nyanyian perengkat akhir tahun lepas.

Mereka terdiri: Abdul Shukor Ismail, Alita Chik, Tony Leong dan Isman Zailani daripada Daerah Brunei/Muara. Dari Daerah

Belait ia-lah Abu Bakar Paun, Osman Paun, Robert Koh, Richard Hill, David Leong Choon Lee, Joseph Yong, Jainey Mohammed Taib dan Daniel Abu Zar.

Peserta2 perempuan di-dalam bahagian Nyanyian Persaorangan terdiri dari Elenor Wong, Koh Bee Moi dan Koh Bee Lian daripada Daerah Brunei/Muara. Lesley Clark, Lu Ling dan Jainab Kadir dari Daerah Belait.

Nyanyian Kumpulan perengkat akhir terdiri dari: "Richard Hill, Joe Yong dan Reggie Ho", "Lu Sisters", "Donald Chua dan Patrick Koh", "Leslie Clark dan Robert Koh" dan "The Koh Sisters".

Penghakiman akan di-tinjau di-segi gaya, sebutan, senikata lagu dan patah lagu. Ticket2 untuk menyaksikan peraduan itu di-jual dengan harga \$3.00 tiap2 satu.